

01 MAY 2001

Mahathir-Majlis (Bergambar)

DR MAHATHIR MINTA KSN HANTAR LAPORAN MENGENAI MBJ

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan mengkaji sama ada jabatan atau agensi kerajaan yang telah mewujudkan Majlis Bersama Jabatan (MBJ) bagi mengatasi masalah berbangkit di jabatan masing-masing mengadakan dialog mereka seperti yang ditetapkan.

Perdana Menteri berkata beliau telah meminta laporan daripada Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman mengenai MBJ iaitu satu majlis perbincangan yang diadakan beberapa kali dalam setahun antara pengurusan dan kakitangan jabatan atau agensi berkenaan.

"Saya ingin dapat laporan...terus ke meja saya. Cuma nak tahu ada atau tidak (dialog)...bukan secara terperinci kerana kadang-kadang kalau tak ada laporan dia tak ada (mengadakan dialog)," katanya kepada pemberita selepas berucap pada Majlis Perhimpunan Hari Pekerja 2001 bagi anggota sektor awam di Institut Tadbiran Awam Negara di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata beliau menjangka mendapat laporan setiap tiga atau empat bulan sekali.

Perdana Menteri berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai perkara itu yang disentuhnya pada majlis dialog dengan kakitangan di majlis perhimpunan tersebut.

Terdahulu, Presiden Cuepacs, N.Siva Subramaniam dalam ucapannya berkata hampir 50 peratus jabatan kerajaan belum menubuhkan MBJ dan ini menyukarkan bagi menyelesaikan sebarang masalah jabatan yang timbul.

Cuepacs sebelum ini dilaporkan berkata terdapat ketua jabatan yang menganggap MBJ sebagai platform bagi kakitangan bawahan membongkar kelemahan ketua jabatan dan dengan itu mereka keberatan mewujudkan MBJ di jabatan atau agensi masing-masing.

Perangkaan menunjukkan setakat ini hanya 1,000 MBJ ditubuhkan daripada sejumlah 2,000 yang sepatutnya diwujudkan mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2/1992.

Sementara itu, Samsudin, yang ditemui pemberita pada majlis itu, berkata beliau bersama Cuepacs telah banyak kali meminta jabatan yang belum menubuhkan MBJ agar berbuat demikian kerana surat pekeliling mengenai perkara itu sudah lama diedarkan.

"Saya telah banyak kali minta ketua-ketua jabatan tapi nampaknya setengah pihak ada juga masih belum tubuh dan ada telah tubuh tapi belum ada mesyuarat," katanya.

Berikutan arahan Perdana Menteri, Samsudin berkata beliau bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) akan meminta maklumat balas daripada kementerian dan jabatan mengenai penubuhan MBJ dan mesyuarat atau dialog yang diadakan.

Samsudin berkata pekerja di suatu jabatan bukan sahaja membangkitkan isu seperti gaji atau elaun tapi isu lain berkaitan suasana kerja seperti keperluan menyediakan tempat letak kenderaan berbumbung.

"Yang penting kita jangan lihat mesyuarat ini sabagai satu beban tapi formula paling baik mendengar rungutan, cadangan atau pandangan pihak pekerja.

"Perkara-perkara ini saya rasa ketua jabatan mesti ambil tahu kerana sebagai pengurusan sumber manusia dan untuk urus aset penting ini kena dengar pandangan atau rungutan pekerja," katanya.

-- BERNAMA

RV ES AKD